

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat kelayakan terkini diguna pakai bagi peserta MM2H sedia ada dan logik kriteria pelaksanaan bagi permohonan baru. Adakah syarat pembaharuan visa bagi peserta MM2H sedia ada tertakluk kepada syarat baru selepas tamat tempoh visa mereka. Nyatakan pro dan kontra berbanding polisi sedia ada dan berapa keuntungan/kerugian kepada pendapatan ekoran pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 5 Oktober 2021, semasa menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) peringkat Kementerian Dalam Negeri, Dewan Yang Mulia ini telah dimaklumkan bahawa peserta-peserta Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) sedia ada tidak akan tertakluk kepada syarat-syarat baharu MM2H, kecuali peningkatan fi pas yang dinaikkan daripada RM90 kepada RM500 setahun dan syarat tempoh keberadaan di Malaysia iaitu minimum selama 90 hari setahun secara kumulatif. Kelonggaran yang diberikan kepada peserta sedia ada Program MM2H ini akan terpakai semasa permohonan pelanjutan bagi pas MM2H sedia ada dan akan terus berkuatkuasa sepanjang tempoh sah laku pas. Walau bagaimanapun, bagi semua peserta

SOALAN NO : 31

baharu, mereka perlu memenuhi dasar dan syarat-syarat penyertaan yang baharu.

Program MM2H ditambahbaik berdasarkan kepada faktor ekonomi, keselamatan, penandaarasan dengan negara lain, hasil laporan kajian oleh perunding yang dilantik oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan penemuan Jabatan Audit Negara serta sebagai sebahagian daripada strategi untuk menyokong Pelan Pemulihan Negara (PPN). Penambahbaikan ini juga dilaksanakan bagi memastikan peserta program ini yang berada di Malaysia adalah benar-benar *genuine*, berkualiti tinggi dan dapat memberi sumbangan yang positif kepada pertumbuhan ekonomi.

Program MM2H akan diaktifkan semula dijangka mulai Oktober 2021 setelah semua proses berkaitan perundangan selesai. Justeru, tiada rekod atau statistik berkaitan keuntungan atau kerugian yang dapat diberikan buat masa ini.

Dimaklumkan juga bahawa program MM2H adalah disasarkan kepada golongan pesara dan berpendapatan tinggi yang berhasrat untuk tinggal di Malaysia bagi tempoh masa yang panjang dan hendak berbelanja di Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan yakin tidak akan timbul isu kehilangan pendapatan yang disebabkan dengan penambahbaikan program MM2H. Sebaliknya, Kerajaan melihat ke hadapan dan optimistik dengan inisiatif penambahbaikan syarat-syarat kelayakan akan menjana kesan berganda yang positif kepada ekonomi negara terutamanya kepada sektor hartanah, pendidikan, kesihatan, pelancongan perubatan melalui perbelanjaan domestik oleh peserta MM2H yang berkualiti tinggi dan *genuine*.